



**18 Julai 2008 (Jumaat)**

## **Kaji sistem subsidi diesel elak seleweng**

PUTRAJAYA 17 Julai - Jabatan Audit Negara diminta melakukan kajian menyeluruh terhadap sistem pemberian minyak diesel bersubsidi termasuk penggunaan teknologi nano.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Shahrir Abdul Samad berkata, ini kerana pelaksanaan sistem tersebut melibatkan belanja yang besar. Beliau berkata, ia juga sejajar dengan usaha kerajaan untuk mengatasi masalah penyeludupan serta penyelewengan minyak diesel yang semakin berleluasa.

"Pada tahun lalu sahaja, kerajaan menyalurkan sebanyak satu bilion liter minyak diesel bersubsidi pada harga 15 sen seliter dan jumlah itu pasti lebih tinggi tahun ini. "Sehubungan itu, pengauditan tersebut akan membolehkan kami melihat sama ada ia berbaloi atau memerlukan penambahbaikan terhadap sistem itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Memperkasakan Pengguna anjuran Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (Puspanita) Kebangsaan di sini hari ini. Turut hadir Yang Dipertua Puspanita Kebangsaan, Puan Sri Wan Noorlina Wan Hussin.

Seminar sehari itu melibatkan penyertaan 500 orang yang mewakili sektor awam, badan bukan kerajaan (NGO) dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Dalam pada itu, Shahrir menyifatkan kenyataan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petroliam Nasional Bhd. (Petronas), Tan Sri Mohd. Hassan Marican yang mempersoalkan sumbangan sektor lain dalam ekonomi negara kelmarin sebagai wajar.

Menurutnya, Malaysia tidak boleh bergantung hanya kepada pendapatan daripada perniagaan yang berasaskan sumber asli seperti minyak mentah dan kelapa sawit dalam menjana pembangunan ekonomi.